



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

27 FEBRUARI 2021 (SABTU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

27 FEBRUARI 2021 (SABTU)

14 peniaga durian kena denda RM2,600

Ops Duri 2.0 diperkasa bagi melindungi pengguna, tingkatkan etika penjual

Oleh Siti Haliza Yusop
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Seramai 14 peniaga durian dikenakan kompaun RM2,600 menerusi 311 pemeriksaan Ops Duri 2.0 yang dijalankan selama tiga hari bermula 22 Februari lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid, berkata sembilan tindakan kompaun dilakukan mengikut Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) dan baki mengikut Akta Timbang Sukat 1972 (ATS 1972).

Beliau berkata, Ops Duri 2.0 diperkasa bagi melindungi pengguna dan meningkatkan etika peniaga durian melalui pemeriksaan bagi memastikan pematuan aspek tanda harga, alat timbang dan sukat yang digunakan

untuk perdagangan.

Katanya, pemeriksaan juga dilakukan bagi melihat pematuan terhadap prosedur operasi standard (SOP) perdagangan pengedaran dan SOP am Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Ops Duri 2.0 akan dikuatkuasakan sehingga 22 Mac ini oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri dan cawangan.

"Peniaga durian di bawah pelaksanaan Ops Duri 2.0 tertakluk di bawah AKHAP 2011 dan ATS 1972 dan sekiranya didapati melakukan kesalahan boleh dikenakan tindakan undang-undang.

"Bagi kesalahan mengikut Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Barangan dan Caj Bagi Perkhidmatan) 2020, amaun denda yang boleh dikenakan bagi per-



Rosol bersama Timbalan Ketua Pengarah Operasi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Mohamad Mustapha Awang ketika pemeriksaan di gerai jualan durian di Petaling Jaya, semalam.

seorangan ialah RM50,000, manakala bagi syarikat atau perbadanan sejumlah RM 100,000.

"Untuk kesalahan menggunakan atau memiliki timbang, sukat atau alat timbang yang tidak ditentukan, amaun denda bagi perseorangan atau syarikat ialah RM40,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya sekali," katanya dalam kenyataan, semalam.

Terdahulu, Rosol melakukan lawatan pemeriksaan bersama Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bagi meninjau aktiviti urus niaga durian di sekitar Petaling Jaya, Selangor.

Lawatan berkenaan dilakukan

Ops Duri 2.0 akan dikuatkuasakan sehingga 22 Mac ini oleh KPDNHEP negeri dan cawangan.

Rosol Wahid,
Timbalan Menteri KPDNHEP

bagi memeriksa pematuan peniaga durian, termasuk sama ada tanda harga diletakkan dengan jelas, mempamerkan jenis durian serta menggunakan alat timbang

yang sesuai.

Rosol berkata, sebanyak 1,252 pemeriksaan dilakukan pada Ops Duri 1.0 antara 1 hingga 31 Julai tahun lalu membabitkan 38 kompaun dengan nilai kompaun sebanyak RM13,900.

"KPDNHEP mengalu-alukan kerjasama diberikan peniaga untuk terus menjalankan aktiviti perniagaan secara jujur, beretika dan tidak mengambil kesempatan dengan melakukan manipulasi harga mahupun timbangan," katanya.

"Peniaga disarankan menggunakan alat timbangan yang bersesuaian dalam urus niaga penjualan durian," katanya.



ROSOL (kiri) memeriksa alat timbang yang digunakan oleh peniaga durian di Petaling Jaya kelmarin.

Kompaun tidak pamer nama durian

PETALING JAYA – Sebanyak 14 kes kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011 (AKHAP 2011) dan Akta Timbang Sukat 1972 (ATS 1972) dikesan dilakukan oleh peniaga durian sepanjang Ops Duri 2.0 dilaksanakan dari 22 sehingga 24 Februari lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, sebanyak sembilan kes dikesan di bawah AKHAP 2011 dan lima kes di bawah ATS 1972 melibatkan kompaun bernilai RM2,600 dikeluarkan ke atas peniaga durian terbabit.

"Sejak pelaksanaan Ops Duri 2.0, sejumlah 311 pemeriksaan telah dibuat. KPDNHEP mengalu-alukan kerjasama peniaga jalankan aktiviti perniagaan secara jujur, beretika dan tidak ambil kesempatan

dengan perlakuan manipulasi harga mahupun timbangan," katanya dalam satu kenyataan akhbar kelmarin.

Rosol menjelaskan, peniaga durian tertakluk kepada peraturan tanda harga yang jelas, mempamerkan jenis durian, menggunakan alat timbang yang sesuai dan memastikan alat timbang masih dalam tempoh tentusah.

"Ops Duri 2.0 ini diperkasakan atas dasar melindungi pengguna dan meningkatkan etika peniaga durian," katanya.

Beliau menerangkan, bagi kesalahan di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Barangan dan Caj Bagi Perkhidmatan) 2020, denda boleh dikenakan bagi individu RM50,000, manakala bagi syarikat RM100,000.

KPDNHEP pantau peniaga durian

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terus memantau peniaga durian di seluruh Malaysia menerusi Ops Duri 2.0 berkuat kuasa 22 Februari sehingga 22 Mac depan.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, pelaksanaan operasi itu membabitkan pemeriksaan terhadap semua peniaga durian bagi memastikan mereka menggunakan alat penimbang yang sesuai dan sukatan masih dalam tempoh tentu sah.

Selain itu, katanya, aspek pematuhan juga termasuk meletakkan tanda harga dengan jelas, mempamerkan jenis durian dan mematuhi sepenuhnya prosedur operasi standard (SOP) Perdagangan Pengeksporan yang ditetapkan.

"Menerusi Ops Duri 2.0, peniaga durian tertakluk di bawah peruntukan Akta Kawalan Harga dan Antipencatu-

OPS DURI 2.0

tan 2011 (AKHAP2011) dan Akta Timbang Sukat 1972 (ATS 1972).

"Kesalahan di bawah Perintah Kawalan Harga dan Antipencatutan (Penandaan Harga Bagi Barangan dan Caj Bagi Perkhidmatan) 2020, pesalah individu boleh didenda RM50,000, manakala bagi syarikat atau perbadanan RM100,000," katanya dalam kenyataan di sini pada Jumaat.

Rosol berkata, bagi kesalahan menggunakan atau memiliki timbang, sukat atau alat timbang yang tidak ditentusahkan, pesalah individu atau syarikat boleh didenda sebanyak RM40,000 atau penjara tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

Sehingga 24 Februari pelaksanaan Ops Duri 2.0, sebanyak 311 pemeriksaan dibuat dan 14 kes dikesan dengan nilai kompaun berjumlah RM2,600 dikeluarkan, katanya. - *Bernama*

HARI : SABTU

TARIKH : 27/2/2021

M/SURAT : 16

 Senarai Harga Barang Keperluan	• Ayam	RM5.99	• Telur Gred A	RM9.00	• Gula Pasir	RM2.20	• Cili Merah	RM7.99
	• Daging Lembu Tempatan	RM34	• Ikan Kembung	RM8.99	• Bawang Besar Holland	RM2.69	• Kubis Tempatan	RM2.90
	• Daging Lembu Import	RM18.90	• Minyak Masak	RM5.30	• Bawang Putih	RM6.49	• Tepung Gandum	RM2.15

**Harga (RM/kg) Sumber: KPONHEP*



Paras harga siling RON95 dan diesel dikekalkan bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global. (Foto hiasan)

Paras siling RON95, diesel kekal

Kuala Lumpur: Kerajaan mengekalkan paras siling petrol RON95 dan diesel, masing-masing RM2.05 dan RM2.15 seliter, walaupun harga Automatic Pricing Mechanism (APM) meningkat lebih 10 sen, berbanding kadar ditetapkan.

Harga baharu itu berkuat kuasa tengah malam tadi hingga 3 Mac depan.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan semalam berkata, paras harga siling RON95 dan diesel itu dikekalkan bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global.

Katanya, kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta

mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara.

"Harga runcit RON97 naik lima sen seliter, iaitu daripada RM2.30 kepada RM2.35 seliter, manakala RON95 naik daripada RM2.00 kepada RM2.05 seliter.

Penetapan harga siling berkenaan selaras dengan jaminan Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz, sebelum ini bahawa kerajaan bersetuju untuk menurunkan had harga siling baharu bagi produk petrol, RON95 pada RM2.05 seliter, manakala diesel RM2.15 seliter.

Penetapan had harga siling itu

adalah lebih rendah berbanding had harga yang dilaksanakan kerajaan terdahulu pada 2019 iaitu sebanyak RM2.08 seliter untuk petrol RON95 dan RM2.18 seliter bagi diesel.

Tengku Zafrul dipetik berkata, kerajaan akan menampung perbezaan harga pasaran sebenar dengan harga runcit yang ditetapkan secara mingguan melalui peruntukan subsidi.

Keputusan berkenaan diambil berdasarkan trend harga pasaran sebenar produk petroleum yang semakin meningkat susulan peningkatan permintaan minyak mentah dunia, selain dipengaruhi pembukaan semula pelbagai sektor ekonomi di seluruh dunia.

RON95, RON97 naik 5 sen, diesel kekal

Kuala Lumpur: Harga runcit petrol RON95 dan RON97 masing-masing naik lima sen seliter manakala harga runcit diesel kekal RM2.15 seliter bagi tempoh 27 Februari hingga 3 Mac ini.

"Harga baharu untuk RON95 kini RM2.05 seliter manakala RON97 RM2.35

seliter," menurut Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan, semalam.

Kementerian Kewangan memaklumkan harga baharu itu berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM). - Bernama

Harga RON95, RON 97 naik lima sen

KUALA LUMPUR - Harga runcit petrol RON95 dan RON97, masing-masing naik lima sen seliter, manakala harga runcit diesel kekal pada RM2.15 seliter bagi tempoh 27 Februari hingga 3 Mac ini.

Kementerian Kewangan dalam kenyataan pada Jumaat berkata, harga baharu untuk RON95 kini RM2.05 seliter, manakala RON97 adalah RM2.35 seliter.

"Harga baharu itu adalah berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik (APM).

"Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, kerajaan akan mengekalkan paras harga siling RM2.05 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.15 seliter bagi diesel walaupun harga runcit APM bagi RON95 dan diesel telah meningkat lebih 10 sen berbanding had harga siling yang telah ditetapkan," menurut kenyataan tersebut.

Kementerian Kewangan berkata, kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia dan mengambil langkah bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara. - *Bernama*

Harga RON95 naik cecah RM2.05



HARGA runcit mengikut formula APM bagi RON95 dan diesel telah meningkat lebih 10 sen berbanding had harga siling.

Harga minyak mingguan

Minggu 6 - 12 Feb 2021				Minggu 20 - 26 Feb 2021			
• RON95	RM1.93	(+RM0.03)		• RON95	RM2.00	(+RM0.04)	
• RON97	RM2.23	(+RM0.03)		• RON97	RM2.30	(+RM0.04)	
• Diesel	RM2.11	(+RM0.04)		• Diesel	RM2.15	(RM0)	
Minggu 13 - 19 Feb 2021				Minggu 27 Feb - 5 Mac 2021			
• RON95	RM1.96	(+RM0.03)		• RON95	RM2.05	(+RM0.05)	
• RON97	RM2.26	(+RM0.03)		• RON97	RM2.35	(+RM0.05)	
• Diesel	RM2.15	(+RM0.04)		• Diesel	RM2.15	(RM0)	

PUTRAJAYA – Harga runcit petrol RON95 naik lima sen kepada RM2.05 seliter berbanding RM2 bagi tempoh bermula tengah malam ini sehingga 3 Mac depan.

Kementerian Kewangan dalam satu kenyataan berkata, harga RON97 juga naik lima sen daripada RM2.30 kepada RM2.35 seliter.

"Harga runcit diesel pula kekal pada paras RM2.15 seliter," katanya.

Pada 30 Januari hingga 5 Februari lalu dilaporkan harga minyak petrol berada pada paras RM1.90 untuk minyak RON95, RM2.20 (RON97) dan RM2.07 untuk diesel dan angka itu terus naik sehingga bermula esok.

Bagi melindungi pengguna daripada kesan kenaikan harga sebenar minyak di pasaran global, Kerajaan akan mengekalkan paras harga siling RM2.05 seliter bagi petrol RON95 dan RM2.15 seliter bagi diesel.

Tambah kenyataan itu, walaupun harga runcit mengikut formula APM bagi RON95 dan diesel telah meningkat lebih 10 sen berbanding had harga siling yang telah ditetapkan.

"Kerajaan akan terus memantau kesan perubahan harga minyak mentah dunia serta mengambil langkah yang bersesuaian bagi memastikan kebajikan dan kesejahteraan rakyat terus terpelihara," ujar kenyataan itu.

New fuel prices Feb 27 - Mar 3		
RON95	RON97	Diesel
RM2.05 (+5 sen)	RM2.35 (+5 sen)	RM2.15 (unchanged)